

Perkahwinan

MAJALAH
PERKAHWINAN
TERLENGKAP
UNTUK BAKAL
MEMPELAI

inspirasi

SEMIANJUNG MALAYSIA RM12.90

JANUARI 2014

PP17733/04/2013 (032249)

SENARAI SEMAK:

Panduan memilih lokasi perkahwinan & tarikh yang tepat

Bonus!

Gaya solekan mengikut konsep perkahwinan

50

KOLEKSI BUSANA
DARIPADA PEREKA FESYEN & BUTIK TERNAMA

Erin Malek & Arja Lee
SERASI BERSAMA

Edisi Lengkap

DEKORASI

ISTIMEWA:
LUAR LEMBAH KLANG

Butik Dari Johor, Pahang & Perak

BUSANA CANTIK, INDAH & MENAWAN

❖ INSPIRASI PERKAHWINAN SELEBRITI TERKENAL TANAH AIR

❖ D.I.Y PELAMIN & HANTARAN JIMATKAN PERBELANJAAN ANDA

❖ 48 ILHAM DEKORASI MAJLIS PELBAGAI TEMA

INSPIRASI PERKAHWINAN

ISBN 978-9671-09380-1



9 789671 093801

25



KELAB DARUL EHSAN

Sediakan Pakej Perkahwinan Istimewa

Kelab Darul Ehsan (KDE) yang terletak di Taman Tun Abdul Razak, Ampang Jaya merupakan kediaman padang golf pertama di Malaysia. Kedudukannya yang strategik dan terletak berhampiran kawasan perniagaan dan kediaman utama memudahkan para tetamu untuk datang melakukan aktiviti riadah, bermain golf dan menganjurkan acara-acara tertentu seperti perkahwinan dan majlis-majlis khas.

KDE turut terkenal sebagai satu-satunya padang golf klasik yang terdapat di Kuala Lumpur. Tidak tertumpu kepada tempat bermain golf semata-mata, KDE menyediakan kawasan khusus untuk berekreasi seperti kolam renang, gimnasium dan kafe.

SUSUNAN: NUROL FASIHA NASRI TERIMA KASIH: KELAB DARUL EHSAN, KDE RECREATION BHD, TAMAN TUN ABDUL RAZAK, JALAN KERJA AIR LAMA, AMPANG JAYA, 68000 SELANGOR. TELEFON: 03-4257 2333 FAX: 03-4257 6293 E-MEL: kde@berjayaclubs.com WEB: www.berjayaclubs.com



ANGGUN DAN PRESTIJ

Kedudukannya yang dikelilingi kehijauan menjanjikan suasana tenang dan tampak begitu prestij. KDE memberi anda peluang berada di kawasan yang dekat dengan alam walaupun berada di bandar.

Bagi anda yang inginkan majlis perkahwinan seperti dalam taman yang dipenuhi dengan keindahan alam semulajadi dan tampak unik, KDE menawarkan lokasi terbaik buat anda. Anda tidak perlu lagi untuk ke luar ke kawasan yang jauh dan terpencil untuk majlis dalam suasana yang dekat dengan alam. Ramai VVIP dan selebriti terkenal seperti Ella dan Irma Hasmie yang turut menjadikan KDE sebagai pilihan meraikan hari bahagia mereka.



Anda juga berpeluang untuk memilih sama ada mengadakan majlis di dalam dewan atau taman. Kawasan sekeliling kolam renang juga turut dibuka buat anda yang inginkan majlis yang tampak santai dan berbeza.

Sekiranya anda berminat untuk menjadikan Kelab Darul Ehsan sebagai lokasi bagi meraikan hari bahagia, boleh hubungi talian 03-4257 2333 atau datang terus ke alamat berikut **Kelab Darul Ehsan, KDE Recreation Bhd, Taman Tun Abdul Razak, Jalan Kerja Air Lama, Ampang Jaya, 68000 Selangor.**



PAKEJ MENARIK DAN BERPATUTAN

Pakej perkahwinan yang ditawarkan oleh KDE adalah untuk tempahan minima 300 pek tetamu. Antara pakej yang ditawarkan untuk bakal mempelai adalah hidangan pakej masakan Melayu yang terdiri daripada Pakej Cinta Sejati, Purnama Merindu dan Istana Emas. Pakej-pakej yang ditawarkan ini pula terbahagi kepada dua bahagian iaitu hidangan secara bufet atau dome. Bagi kategori bufet, harga yang ditawarkan bermula daripada RM45++ hingga RM55++ bagi setiap seorang manakala hidangan dome pula bermula daripada harga RM55++ hingga RM65++.

Bakal mempelai yang ingin membuat tempahan juga akan diberikan sesi 'food tasting' untuk 10 orang bagi menjamin kepuasan bersama. Turut termasuk di dalam pakej yang ditawarkan adalah set pelamin, dekorasi bunga segar pada meja makan beradab, kek lima tingkat (dummy) untuk acara memotong kek, tiga meja untuk tetamu kehormat dilengkapi hidangan dome, percuma tambahan air kordial atau sirap sepanjang majlis berlangsung, cenderahati kek buah buat tetamu yang hadir, backdrop, bunga manggar, karpit merah, arch bunga tiruan, kerusi yang dilengkapi dengan sarung, 'pa system' dan kelengkapan tempat kereta khas serta selesa buat VIP dan tetamu yang hadir pada majlis anda nanti.

